

**Malaysia Terajui Penyeragaman Pensijilan Halal Bagi Negara Islam
Bernama
9 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Malaysia akan menerajui usaha menyeragamkan pensijilan halal bagi negara-negara Islam, kata Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Jamil Bidin, berkata isu itu sedang dibincangkan pada peringkat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

"Malaysia akan berganding bahu dengan Turki untuk menangani perbezaan dalam pensijilan halal dan mengadakan kriteria baharu yang seragam, yang akan diguna pakai di semua negara anggota OIC," katanya dalam satu sidang akhbar selepas perbincangan panel mengenai jaminan makanan global yang diadakan sempena Persidangan Halal Dunia 2014.

Beliau berkata, daripada 57 negara yang menganggotai OIC, ada 10 peserta besar dalam industri halal selain Malaysia. Ini termasuklah Indonesia, Turki dan Arab Saudi.

Jamil berkata kebanyakan daripada 10 negara itu telah meluluskan piawaian baharu itu yang, apabila diguna pakai, boleh mengelakkan kekeliruan atau perbezaan dalam mengeluarkan pensijilan halal.

"Perkongsian ini akan menyeragamkan piawaian halal di peringkat global, kerana pada masa ini ada banyak kriteria yang ditetapkan oleh negara-negara lain (secara berasingan).

"Oleh sebab Malaysia telah menerajui industri halal selama hampir 40 tahun, gagasan dan cadangan kita amat dikehendaki oleh OIC," katanya.

Sementara itu, Jamil berkata sejajar dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik di seluruh dunia, Malaysia menjangkakan eksport produk halal meningkat kepada lima peratus berbanding 2.7 peratus tahun lepas.

Dalam 2013, eksport Malaysia bernilai RM32.8 bilion.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029226>